

**NO. SOALAN: 61**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL  
[ SUNGAI PETANI ]**

**TARIKH : 14 MAC 2018**

**RUJUKAN : 10578**

**SOALAN:**

**Dato' Johari Bin Abdul [ Sungai Petani ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapakah pegawai dan anggota PDRM yang disahkan terlibat dalam penyalahgunaan dadah sejak tahun 2010 hingga Jun 2017. Adakah jenis tindakan yang telah dikenakan kepada mereka.**

141

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Dipertua,**

**PDRM mengambil pendekatan tiada tolak ansur ke atas pegawai dan anggota yang melakukan kesalahan tatatertib, salah guna kuasa, rasuah, terlibat dalam kes jenayah dan dadah bagi memastikan amalan disiplin yang tinggi sentiasa dipatuhi oleh setiap pegawai polis. Tindakan tatatertib yang tegas akan dikenakan terhadap mereka termasuk mendakwa di mahkamah.**

**Statistik kes penyalahgunaan dadah melibatkan pegawai dan anggota adalah seperti berikut:**

- a) tahun 2010 : 25 kes;**
- b) tahun 2011 : 25 kes;**
- c) tahun 2012 : 37 kes;**
- d) tahun 2013 : 57 kes;**
- e) tahun 2014 : 53 kes;**
- f) tahun 2015 : 59 kes;**
- g) tahun 2016 : 7 kes; dan**
- h) sehingga Jun 2017 : 22 kes.**

**Statistik tindakan yang telah diambil terhadap pegawai polis yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah adalah seperti berikut:**

- a) tahun 2010 : 25 kes;**
- b) tahun 2011 : 25 kes;**
- c) tahun 2012 : 37 kes;**
- d) tahun 2013 : 57 kes;**

- e) tahun 2014 : 55 kes;
- f) tahun 2015 : 65 kes;
- g) tahun 2016 : 10 kes; dan
- h) sehingga Jun 2017 : 22 kes.